

Soalan No : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 16.6.2015

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah institut pendidikan bertaraf politeknik di daerah Kerian bagi pengkhususan teknologi pertanian padi dan perikanan yang merupakan sumber pendapatan utama di daerah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Politeknik dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Buat masa ini, telah ada dua buah politeknik yang sedang beroperasi di negeri Perak iaitu Politeknik Ungku Omar di Ipoh yang ditubuhkan pada tahun 1969 dan Politeknik Sultan Azlan Shah di Tanjung Malim Perak yang ditubuhkan pada tahun 2002. Sebanyak 89 program peringkat ijazah sarjana muda, diploma lanjutan, diploma, pra-diploma dan sijil

kemahiran khas ditawarkan di kedua-dua buah politeknik berikut. Selain itu, terdapat sebuah universiti dan 10 buah kolej komuniti di negeri Perak. Sehubungan itu, Kementerian berpandangan, buat masa ini politeknik sedia ada boleh menampung keperluan pelajar di negeri Perak.

RJM100